

## PPM RAMPAS PETROL SELUDUP, TAHAN 5 KREW KAPAL

May 17, 2020



Oleh TERTIA JACOB

**SANDAKAN:** Pasukan Polis Marin (PPM) merampas 90,000 liter minyak petrol bernilai RM117,900 daripada sebuah kapal tangki yang dipercaya cuba diseleweng ke negara jiran di perairan Gubbin Rock, di sini, pagi tadi.

Turut ditahan ialah lima krew kapal berusia antara 23 hingga 61 tahun dalam kejadian pukul 7.30 pagi itu.

Terdahulu, sepasukan anggota PPM melaksanakan rondaan Ops Benteng Covid-19 di perairan berkenaan sebelum menahan kapal terbabit dan menemui minyak petrol yang dipercaya cuba diseleweng ke Filipina.

Komander PPM Wilayah 4 Sabah, Asisten Komisioner Mohamad Pajeri Ali, berkata pemeriksaan lanjut mendapati kapten kapal gagal mengemukakan permit dan surat kebenaran memiliki dan menyimpan minyak petrol daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

"Semua krew kapal ditahan dan dibawa ke Markas Operasi PPM Sandakan kerana telah melakukan kesalahan di bawah Seksyen 20 Akta Kawalan Bekalan 1961."